

XYNOZ TABLET 5MG

Desloratadine 5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Xynoz Tablet*
2. Bagaimana *Xynoz Tablet* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Xynoz Tablet*
4. Cara menggunakan *Xynoz Tablet*
5. Semasa menggunakan *Xynoz Tablet*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Xynoz Tablet*
8. Deskripsi Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Xynoz Tablet*

Xynoz Tablet melegakan simptom alergik. Antara simptomnya ialah bersin, hidung berhingus, tersumbat dan gatal-gatal.

Xynoz Tablet juga digunakan untuk melegakan symptom alergik pada kulit yang dipanggil *urticaria*. Antara simptomnya ialah gatal-gatal dan gegata.

Bagaimana *Xynoz Tablet* berfungsi

Xynoz Tablet ialah sejenis ubat antialergik yang tidak membuatkan anda mengantuk. Ubat ini dapat mengawal tindak balas alergi dan simptomnya.

Sebelum mengambil *Xynoz Tablet*

- Bila tidak boleh mengambil

- ☐ Jangan ambil *Xynoz Tablet* jika anda alah (hipersensitif) terhadap *desloratadine*, terhadap mana-mana bahan lain di dalam *Xynoz Tablet* atau terhadap *loratadine*.

- Sebelum mula mengambil

- ☐ Bincanglah dengan doktor atau pakar farmasi sebelum menggunakan *Xynoz Tablet* jika anda atau keluarga pernah mengalami sawan.

- ☐ Penggunaan *Xynoz Tablet* dari segi keberkesanan dan keselamatan di kalangan kanak-kanak yang berumur tidak lebih daripada 12 tahun belum dibuktikan.

Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan

- ☐ Mintalah nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil apa-apa ubat semasa anda hamil dan semasa anda sedang menyusukan anak dengan susu badan.
- ☐ Jika anda hamil atau sedang menyusukan anak dengan susu badan, *Xynoz Tablet* tidak disyorkan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Tidak ada saling tindak balas yang diketahui berlaku antara *Xynoz Tablet* ubat-ubat lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang, baru-baru ini telah menggunakan ubat lain atau akan menggunakan ubat lain.

Mengambil *Xynoz Tablet* berserta makanan dan minuman

Xynoz Tablet boleh dimakan sebelum ataupun selepas makan.

Cara menggunakan *Xynoz Tablet*

- Berapa banyak harus digunakan
Dewasa dan remaja (12 tahun ke atas): makan satu tablet sekali sehari.

- Bila perlu digunakan
Telan tablet bulat-bulat dengan air, sebelum ataupun selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan
Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa memakan ubat ini pada waktu yang sepatutnya, ambil secepat mungkin, kemudian teruskan dengan jadual waktu dos anda yang biasa. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa digunakan itu.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Makan *Xynoz Tablet* seperti yang diarahkan.

Walau bagaimanapun, jika anda termakan lebih banyak *Xynoz Tablet* daripada yang diarahkan, hubungilah doktor atau ahli farmasi.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *Xynoz Tablet*

- Perkara yang perlu dilakukan

- ☐ Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- ☐ Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- ☐ Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- ☐ Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- ☐ Jangan berkongsi *Xynoz Tablet* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

XYNOZ[®] TABLET 5MG

Desloratadine 5mg

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera

Pada dos yang disyorkan, *Xynoz Tablet* tidak dijangka akan membuatkan anda mengantuk atau kurang berwaspada. Walau bagaimanapun, sesetengah orang berasa mengantuk dan ini boleh menjejaskan kemampuan mereka memandu atau mengendalikan jentera. Namun begitu, ini jarang-jarang sekali berlaku.

Kesan-kesan Sampingan

Sama seperti semua ubat lain, *Xynoz Tablet* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya. Walau bagaimanapun, rasa lesu, mulut kering dan sakit kepala antara kesan sampingan yang kerap dilaporkan.

Kesan sampingan yang biasa terjadi pada kanak-kanak adalah sakit kepala selain daripada *arrhythmia* (degupan jantung yang cepat dan tidak teratur), *bradycardia* (kadar degupan jantung yang perlahan), perwatakan yang luar dari kebiasaan (marah) tetapi sangat jarang dilaporkan.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicine (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Xynoz Tablet*

- Penyimpanan

- ☐ Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.

- ☐ Simpan pada suhu yang kurang daripada 30 °C. Simpan di dalam bungkusnya yang asal.
- ☐ Jangan mengambil tablet selepas tarikh tamat tempoh yang ditunjukkan di atas pek dan blister.

- Pelupusan

Jangan buang ubat ini bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanyalah ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi.

Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

Deskripsi Produk

- Rupa dan warna produk

Xynoz Tablet 5mg ialah tablet bersalut yang berwarna biru muda, berbentuk bulat, dicetak dengan huruf 'D' pada sebelah permukaannya dan tanpa corak pada sebelah lagi.

Xynoz Tablet 5mg dipasarkan di dalam pek saiz 1 x 10's tablet & 10 x 10's tablet.

-Bahan-bahan kandungan

- ☐ Bahan aktif:
Desloratadine
- ☐ Bahan tidak aktif:
Dibasic calcium phosphate dihydrate, microcrystalline cellulose, pregelatinized starch, talc powder, purified water dan opadry II blue.

- Nombor MAL

MAL22046026AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP
10/07/2025

Nombor Siri
NPRA (R2) 21/096